

(diambilnya riwayat ini) daripada Malik daripada Suhail²⁷ bin Abi Saleh²⁸ daripada ayahnya daripada Abi Hurairah,²⁹ katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang

²⁶ Latar belakang Qutaibah telah pun berlalu di dalam nota 6 yang lalu. Lihatlah di sana.

²⁷ Al-Madani. Seorang perawi shaduq. Hafalan Suhail tergugat di akhir hayatnya. Ia tidak sekuat sebelum itu. Imam Bukhari hanya mengemukakan riwayat beliau di dalam ta'liqaatnya atau di dalam (riwayat-riwayat) syawaahid sebagai sokongan sahaja. Kata Imam az-Zahabi: “Para ‘ulama’ mengatakan, Malik menerima hadits daripada Suhail sebelum hafalannya tergugat.” Kata al-Haakim: “Imam Muslim telah mengemukakan banyak riwayat beliau. Tetapi kebanyakannya di dalam syawaahid.” Suhail meninggal dunia di zaman pemerintahan Khalifah al-Manshur.

²⁸ As-Sammaan al-Madani. Nama Abu Saleh yang sebenarnya ialah Zakwaan. Oleh kerana kerja beliau ialah membawa minyak sapi dan lain-lain minyak ke Kufah, maka beliau dikenali juga dengan nama gelaran as-Sammaan atau az-Zaiyyat. As-Sammaan bererti penjual, pedagang atau pembuat minyak sapi. Az-Zaiyyat pula bererti penjual, pedagang atau pembuat minyak. Abu Saleh adalah seorang perawi tsiqah dan tsabt. Meninggal dunia pada tahun 101H.

²⁹ Abu Hurairah adalah sahabat yang meriwayatkan hadits kedua ini daripada Nabi s.a.w. Imam Tirmizi juga telah menyentuh secara sepintas lalu berkenaan Abu Hurairah di dalam komentarnya selepas mengemukakan haditsnya. Mengikut Imam Tirmizi, para ‘ulama’ berbeza pendapat tentang nama sebenar Abu Hurairah. Di kalangan mereka ada yang mengatakan namanya ‘Abdu Syams. Ada juga golongan yang mengatakan nama sebenar beliau ialah ‘Abdullah bin ‘Amar. Inilah pendapat Muhammad bin Ismail (Imam Bukhari). Menurut penilaian Imam Tirmizi, itulah nama sebenar Abu Hurairah yang lebih sahih. Pertikaian tentang nama sebenar Abu Hurairah tidak terhenti setakat satu dua pendapat yang dikemukakan oleh Imam Tirmizi itu sahaja. Malah jika ditelusuri kitab-kitab Rijal, terdapat banyak sekali pendapat yang dinukilkan berkenaan dengan nama sebenar beliau. Di dalam sesetengah kitab jumlahnya mencapai 30 nama. Di dalam sesetengah yang lain pula disebutkan sampai 40 pendapat berkenaan dengan nama sebenar Abu Hurairah. Begitupun, yang paling masyhur hanyalah 2 atau 3 pendapat sahaja. Sama ada ‘Abdur Rahman bin Sakhr, Abdu Syams bin Sakhr ataupun ‘Abdullah bin ‘Amar. Tetapi seperti telah disebutkan, Imam Tirmizi lebih menyetujui pendapat Imam Bukhari dan segolongan ‘ulama’ yang sependapat dengannya, bahawa nama sebenar Abu Hurairah ialah ‘Abdullah bin ‘Amar. Kenapa Imam Tirmizi lebih menyetujui pendapat Bukhari dalam soal ini dan beliau mengatakan itulah yang lebih sahih? Bukankah kebanyakan ‘ulama’ mentarjihkan nama ‘Abdur Rahman bin Shakhr? Dan mereka juga ada alasan. Alasannya ialah riwayat Haakim di dalam al-Mustadrak, di mana Abu Hurairah sendiri menceritakan nama sebenarnya. Kata Haakim: حدثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ثنا أحمد بن عبد الجبار ثنا يونس بن بكير عن ابن إسحاق حدثني بعض أصحابي عن أبي هريرة رضي الله عنه قال كان اسمي في الجاهلية عبد شمس بن صخر فسماني رسول الله صلى الله عليه وسلم عبد الرحمن Bermaksud: Kata Abu Hurairah: Nama saya semasa jahiliah dahulu adalah ‘Abdu Syams bin Shakhr. Kemudian (setelah memeluk agama Islam) Rasulullah s.a.w. menamakan saya ‘Abdur Rahman. (Hadits riwayat al-Haakim di dalam al-Mustadrak jil. 3, m/s 580). Jelas sekali keterangannya, tetapi kenapa Imam Bukhari tidak menerimanya. Jawabnya ialah isnad hadits itu bermasalah. Satunya ialah di dalamnya ada Ibnu Ishaq. Dan yang keduanya ialah Ibnu Ishaq telah menerimanya daripada seorang perawi yang majhul (بعض أصحابي). Tidak diketahui siapa sebenarnya (salah seorang sahabat atau guru saya) itu! Kerananya hadits ini menjadi dha’if. Imam Bukhari dan

Tirmizi pula berpegang dengan riwayat-riwayat bertaraf sahih dan hasan. Sebahagiannya dikemukakan oleh Ibnu 'Asaakir di dalam Tarikh Dimasyqnya. Antara tokoh lain yang sependapat dengan Bukhari dan Tirmizi dalam perkara ini ialah Musa bin 'Uqbah, Ahmad bin Hambal, Yahya bin Bukair, Ibnu 'Asaakir dan lain-lain. Antara hadits yang menjadi pegangan Imam Bukhari dalam perkara ini ialah sebuah hadits hasan yang diriwayatkan oleh beliau sendiri di dalam kitabnya al-Adabu al-Mufrad. Lihatlah, ini riwayatnya: حدثنا عبد الرحمن بن شيبه قال أخبرني بن أبي الفديك قال حدثني موسى عن أبي حازم أن أبا مرة مولى أم هانئ بنت أبي طالب أخبره أنه ركب مع أبي هريرة إلى أرضه بالعقيق فإذا دخل أرضه صاح بأعلى صوته عليك السلام ورحمة الله وبركاته يا أمتاه تقول وعليك السلام ورحمة الله وبركاته يقول رحمك الله كما ربيتني صغيرا فتقول يا بني وأنت فجزاك الله خيرا ورضى عنك كما بررتني كبيرا قال موسى ورحمة الله عليه

Bermaksud: Abu Murrâh maula Ummu Haani' binti Abi Thalib menceritakan kepada Abu Haazim bahawa beliau pernah pergi bersama Abu Hurairah ke kebunnya di 'Aqiq. Apabila masuk ke dalam kebunnya, Abu Hurairah memberi salam dengan setinggi-tinggi suaranya, (begini): "Semoga salam, rahmat dan keberkatan daripada Allah bercucuran ke atasmu ibuku." Si ibu pula menjawab salamnya dengan berkata: "Semoga salam, rahmat dan keberkatan daripada Allah bercucuran juga ke atasmu." Abu Hurairah seterusnya berkata: "Semoga Allah mengasihanimu sepertimana engkau telah membela daku semasa kecil." Si ibu pula berkata: "Wahai anakku, engkau juga. Semoga Allah membalas kebaikanmu dan meredhaimu, sepertimana engkau berbuat baik kepadaku setelah engkau besar." Kata Musa (bin 'Uqbah): "Nama Abu Hurairah ialah 'Abdullah bin 'Amar. (al-Adabu al-Mufrad, jil 1. m/s 19).

Pertikaian tentang nama Abu Hurairah ini telah menimbulkan persoalan lain. Sesetengah golongan mempertikaikan kemungkinan nama seseorang individu boleh mencapai hingga puluhan banyaknya. Lebih-lebih lagi boleh dikatakan kesemua yang mengeluarkan pendapat tersebut juga tidak dapat memastikan ketepatannya. Selain dari itu, kuniah (nama panggilan) Abu Hurairah juga dipertikaikan asal usulnya. Penjelasan berhubung dengan perkara ini telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam beberapa buah buku yang diterbitkan secara khusus untuk menyelesaikan kontroversi tersebut. Salah seorang tokoh yang terlibat ialah Doktor Mustafa as-Siba'i. Beliau telah menulis sebuah buku khusus bagi menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh beberapa pihak di sekitar keperibadian Abu Hurairah. Di dalam bukunya *As-Sunnah Wa Makaanaatuhu Fi At-Tasyrii` Al-Islami*, Doktor Mustafa telah membidas dan menjawab tulisan Mahmud Abu Rayyah yang telah mempertikaikan kewujudan Abu Hurairah itu sendiri. Mahmud Abu Rayyah adalah salah seorang tokoh pergerakan anti hadits di Mesir. Menurutnyanya Abu Hurairah adalah satu watak rekaan yang telah diwujudkan di dalam sejarah umat Islam. Antara hukum logik yang dikemukakannya ialah jika seseorang itu pernah dan benar-benar wujud, tidak mungkin akan timbul pertikaian berkenaan namanya hingga mencapai angka puluhan. Seheinggakan namanya yang sebenar pun tidak dapat dipastikan. Kalaupun dapat diterima kewujudannya di dalam sejarah, apa yang diterima umat Islam dewasa ini sebagai Abu Hurairah itu tidak lebih dari suatu watak yang telah ditonjol-tonjolkan secara berlebihan. Ia bukanlah peribadi Abu Hurairah yang sebenar. Hakikat sebenarnya ialah Abu Hurairah bukanlah antara sahabat yang masyhur dan terkenal. Kerana jika beliau seorang yang memang masyhur dan terkenal, tentulah ramai orang yang mengenalinya dan tidak timbul lagi perselisihan yang teruk tentang namanya. Pendapat Mahmud Abu Rayyah ini memang senada dan hampir sama dengan pendapat golongan Syiah, walaupun 'aqidah dan kefahaman mereka berlainan. Syiah juga berpendapat Abu Hurairah sengaja ditonjol-tonjolkan oleh Ahli as-Sunnah dengan tujuan

menyebarkan hadits-hadits rekaan mereka. Golongan Ahli as-Sunnah telah mewujudkan satu watak rekaan bagi menyokong perbuatan jahat tersebut. Syiah menggunakan alasan tidak mungkin seseorang yang pernah bersama Nabi s.a.w. dalam tempoh yang amat singkat – selama 2 atau 3 tahun sahaja – mampu meriwayatkan hadits yang begitu banyak. Sedangkan kenyataan membuktikan bahawa sahabat-sahabat lain yang lebih utama pun tidak ada yang meriwayatkan hadits sebanyak yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah! Dr Mustafa As-Siba'i dalam kritiknya telah menggunakan pendekatan logik sebagai salah satu medium untuk menjawab balik apa yang cuba dipertikaikan berkenaan Abu Hurairah. Beliau di dalam hujah balasnya memberikan contoh bahawa tiada pihak pernah mempertikaikan kewujudan Sayyidina Abu Bakar, namun jika ditanya kepada orang ramai apakah namanya yang sebenar, nescaya amat sukar untuk diperolehi jawapan yang dikehendaki. Maka adakah wajar, lantaran nama sebenar Abu Bakar tidak diketahui, terus saja kewujudannya dipertikai dan dinafikan? Penilaian sebegitu bukanlah sesuatu yang bijak dan matang. Apalagi sudah menjadi tradisi orang-orang Arab yang lebih senang dipanggil dengan *kuniah* (nama panggilan berpengkalkan Abu, Ibnu, Ummu dan sebagainya) berbanding nama asal. Mereka memang terbiasa menggelar diri dan orang lain dengan Abu atau Ibnu bagi lelaki, manakala Ummu dan binti bagi perempuan. Tradisi ini sudah berlangsung sejak turun temurun lagi dan mereka lebih senang dan lebih selesa dengannya. Oleh itu, sebagaimana kewujudan Abu Bakar tidak dapat dinafikan, begitulah juga seharusnya berkenaan dengan kewujudan Abu Hurairah. Kekeliruan seperti ini banyak sekali cuba ditimbulkan oleh golongan-golongan tertentu dalam usaha mereka memesongkan pegangan dan 'aqidah umat Islam. Kitab *As-Sunnah Wa Maka'anatuha Fi At-Tasyrii` Al-Islami* adalah salah satu contoh usaha 'ulama' Ahli as-Sunnah dalam mematahkan hujah dan menghilangkan kekeliruan yang ditimbulkan mereka. **Berbalik semula kepada perbincangan** tentang isnad hadits. Hadits ini diterima Imam Tirmizi daripada Ishaq bin Musa al-Anshari. Ishaq bin Musa al-Anshari menerimanya daripada Ma'an bin Isa. Ma'an pula menerimanya daripada Malik bin Anas. Demikianlah isnad pertama Tirmizi bagi hadits ini. Sebaik sampai di sini, Imam Tirmizi memulakan pula isnad keduanya menggunakan isyarat tahwil sanad (ح). Beliau menerima juga hadits di atas daripada Qutaibah. Dan Qutaibah menerimanya daripada Malik. Malik seterusnya meriwayatkan daripada Suhail bin Abi Saleh daripada ayahnya yang meriwayatkannya daripada Abi Hurairah r.a. Ertinya isnad pertama (saluran pertama riwayat) dan kedua (saluran kedua riwayat) Imam Tirmizi berbeza hanya di bawah Imam Malik. Adapun daripada Imam Malik ke atas, isnadnya sama sahaja. Kalau begitu, Maliklah yang merupakan madaar bagi hadits Abu Hurairah ini. Lantaran kedua-dua saluran riwayat bertemu apabila sampai kepadanya. **Jika diperhatikan kedua-dua** sanad riwayat ini, niscaya sanad keduanya akan didapati lebih hampir kepada Nabi s.a.w. Kerana di antara Imam Tirmizi dan Nabi s.a.w. hanya terdapat lima orang perawi sahaja. Berbeza dengan *sanad* yang pertamanya. Kerana di antara Imam Tirmizi dan Nabi s.a.w. terdapat enam orang perawi. Mengikut qaedah ushul hadits, sanad pertama hadits ini lebih rendah berbanding sanad keduanya. Soalnya kenapakah Imam Tirmizi mendahulukan *sanad naazil* (sanad yang lebih rendah) daripada *sanad 'aali* (sanad yang lebih tinggi) apabila mengemukakan hadits Abu Hurairah di atas? Apakah alasan yang menjadikan *sanad pertama* lebih utama di sisi beliau, dalam keadaan tidak dapat dinafikan lagi kedudukannya yang lebih rendah berbanding sanad kedua? **Jawapan kepada persoalan ini** terletak pada cara dan qaedah periwayatan hadits yang digunakan. Sanad kedua menggunakan qaedah periwayatan secara *'an`anah* dengan menggunakan lafaz (عن).

hamba muslim atau hamba mu'min³⁰ berwudhu' dengan membasuh mukanya, maka keluarlah daripada mukanya segala kesalahan (dosa) yang dilihat dengan kedua matanya bersama-sama air atau bersama-sama titisan terakhir air atau (ucapan) seumpama itu.³¹

Berbeza dengan sanad pertama, kerana ia menggunakan lafaz tahdits (حدثنا) untuk meriwayatkan hadits. Selain dari faktor di atas, Ma'an bin 'Isa merupakan salah seorang murid utama Imam Malik. Sebagai murid utama, riwayat Ma'an memiliki nilai yang tersendiri. Kerana itulah riwayatnya diutamakan. Ini juga sebenarnya merupakan salah satu faktor yang diambil kira oleh 'ulama'-'ulama' hadits dalam menerima dan memberi nilai kepada sesuatu hadits. Kalau begitu dapatlah disimpulkan bahawa bagi Tirmizi dan sebilangan besar tokoh-tokoh 'ulama' hadits yang lain, penentu dan penambah nilai bagi sesuatu hadits itu bukanlah semata-mata terletak pada jumlah perawinya yang sedikit (السند العالي). Jumlah perawi yang lebih ramai (السند النازل) juga bukan semestinya akan membuatkan sesuatu hadits lebih rendah kedudukannya. Dalam sesetengah situasi, jumlah perawi yang lebih ramai boleh membuatkan sesuatu hadits itu lebih bernilai. Antara sebabnya ialah kerana keadaan perawi-perawinya disepakati para 'ulama' daripada segi ketinggian kedudukan dan ketsiqahan mereka. Berdasarkan kepada alasan-alasan seperti itulah Imam Tirmizi telah mengambil keputusan untuk mengutamakan riwayat yang *naazil* daripada riwayat yang *'aali*.

³⁰ Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang hamba muslim atau mu'min berwudhu'..." Perkataan العبد (hamba lelaki) di sini bukan memberi erti hamba dalam ertikata sebenarnya, iaitu yang boleh dijual beli, dimiliki dan sebagainya. Apa yang dimaksudkan oleh Baginda s.a.w. di sini ialah seseorang muslim atau mu'min semata-mata. Tidak kira sama ada dia seorang hamba atau seorang merdeka, seorang lelaki atau seorang perempuan. Perkataan أو pula pada asalnya boleh memberi erti sama ada: (1) للتوبيخ (untuk mempelbagaikan), atau (2) للترديد (untuk menyatakan ketidakpastian) atau (3) للشك (untuk menyatakan syak). Ternyata berdasarkan *qarinah haaliyyah* bahawa أو di sini semestinya dipakai dengan erti syak. Mengikut qaedah periwayatan hadits, jika terdapat kalimah أو dengan erti syak, hendaklah ditambahkan lafaz قال selepas daripadanya. Oleh yang demikian ketika membaca atau meriwayatkan hadits ini perlulah dibaca dengan tambahan sebagai berikut: إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ أَوْ (قال) الْمُؤْمِنُ dan seterusnya. Berdasarkan qaedah ini terjemahan hadits tersebut dengan pengertian sepenuhnya adalah; Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang hamba muslim atau (Baginda s.a.w. bersabda:) hamba mu'min...." Terdapat syak perawi di sini sama ada Baginda s.a.w. menyebutkan muslim atau mu'min. Walaupun lafaz muslim dan mu'min itu tidak jauh berbeza daripada segi pengertiannya, namun demi mengekalkan amanah ilmiah dalam menyampaikan sesuatu hadits, perawi-perawi hadits perlulah meriwayatkannya dengan cara demikian. Setiap hadits akan diriwayatkan tanpa mengubah atau meninggalkan walaupun satu perkataan sepertimana diterima. Semua ini ditetapkan demi menjaga keutuhan dan kelangsungan lafaz hadits.

³¹ Perkataan أو (atau) yang tersebut di dalam ayat ini juga للشك (untuk menyatakan syak). Ertinya ialah di sini juga terdapat syak perawi. Oleh kerana salah seorang perawi bagi hadits ini tidak pasti yang mana satu telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah sebagai kata-kata Rasulullah s.a.w., dia meriwayatkannya dengan menyatakan syak dan keraguannya tentang lafaz hadits sebenar yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Semua ini dilakukan atas dorongan amanah ilmiah dan demi menjaga ketulenan sabda Rasulullah s.a.w.